

# Perselisihan agama gugat ekonomi negara

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Perselisihan yang timbul kerana perbezaan agama boleh menggugat kestabilan ekonomi selain mengundang implikasi buruk terhadap pembangunan politik dan kemasyarakatan.

Setiausaha Agung Kehormat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Tan Sri Abdul Hamid Othman berkata, keupayaan ekonomi sesebuah negara banyak bergantung kepada sikap persefahaman penduduknya.

"Sekiranya ada rasa curiga antara penduduk kerana berbeza agama, ekonomi tidak dapat bergerak cergas.

"Seseorang pekerja tidak dapat bekerja dengan efektif sekiranya dia tidak suka kepada pihak atasannya kerana berlainan agama," katanya pada sidang media sempena lawatan beliau ke Ibu Pejabat Perkim di sini, hari ini.

Abdul Hamid dilantik memegang jawatan Setiausaha Agung Kehormat Perkim berkuat kuasa 26 September lalu hasil mesyuarat Majlis Kebangsaan Perkim yang dipengerusikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Yang Dipertua.

Menurut Abdul Hamid, akibat perselisihan agama, organisasi jadi lemah dan ia menjejaskan kekuatan ekonomi negara lantas memberi kesan buruk terhadap rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Selain itu, ujarnya, perselisihan tersebut turut memberi impak negatif terhadap hubungan masyarakat dan suasana politik Malaysia.

Sehubungan itu, beliau menggesa agar tiada pihak membangkitkan isu agama hingga mampu menimbulkan suasana tegang dan perpecahan dalam masyarakat.